

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 18 Julai 2021 11:38
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Beware Of Scammers' Dedah Taktik Scammer Jerat Mangsa




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JULAI 2021 / 8 ZULHIJAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Prof. Madya Dr. Saralah Devi Mariamدران Chethiyar

'BEWARE OF SCAMMERS' DEDAH TAKTIK SCAMMER JERAT MANGSA



UUM ONLINE: Peningkatan kes jenayah '*scammer*' dalam masyarakat kini mendorong Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Hitam dengan kerjasama Unit Bimbingan dan Kaunseling SMK Sanglang, Unit Bimbingan dan Kaunseling SMK Permatang Bonglai, Kaunselor Pelatih Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pelajar Sarjana Sains Koreksional UUM mengadakan program Jenayah Komersil '*Beware of Scammers*' menerusi Zoom, baru-baru ini.

Program tersebut telah dirasmikan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kontinjen Kedah, Superintendan Elias Omar dan menampilkan dua panel iaitu Inspektor Noor Haslindawati Abd Rahman dan Inspektor Nakibah Nokma Ramli bersama moderator, Prof. Madya Dr. Saralah Devi Mariamdan Chethiyar yang merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP).

Sepanjang program, peserta didedahkan dengan pelbagai informasi dan kes-kes terkini yang melibatkan jenayah komersil, terutamanya '*scammers*' yang kerap berlaku dalam kalangan masyarakat di negara ini termasuk modus operandi mereka untuk menjerat mangsa.

Secara umumnya, jenayah '*scammer*' ini membabitkan pelbagai jenis kes penipuan dalam talian termasuk *Macau Scam*, *Love Scam* dan penipuan bomoh, khidmat pesanan ringkas (SMS), tanah, kad kredit, penyamaran, perniagaan serta pinjaman yang tidak wujud.

Orang awam khususnya pelajar dinasihatkan agar lebih berhati-hati dalam melakukan keputusan yang melibatkan aktiviti jual beli mahupun pemberian wang kepada orang yang tidak dikenali.

Seramai 150 pelajar termasuk pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengikuti Program Jenayah Komersil '*Beware of Scammers*' yang memberi pendedahan dan kesedaran awal kepada pelajar tentang kes jenayah komersil bagi memupuk perubahan sikap dan pembangunan sahsiah diri pelajar dalam mengharungi cabaran kehidupan kelak.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.